

Bil. S 32

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

PERINTAH LALULINTAS JALAN RAYA (PUNGUTAN TOL), 2000

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (1) bab 79A dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Lalulintas Jalan Raya (Pungutan Tol), 2000 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan April, 2000.

Penyediaan pondok-pondok tol.

2. (1) Pondok-pondok tol hendaklah diadakan di atas atau berdekatan dengan jalan-jalan raya atau jambatan-jambatan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual 1 di tempat-tempat yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual tersebut.

(2) Menteri hendaklah, atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut, menyediakan dan menyenggara bangunan-bangunan, kelengkapan dan kemudahan-kemudahan yang perlu bagi pondok-pondok tol berfungsi dengan teratur dan bagi penjualan kupon.

(3) Tiap-tiap pondok tol hendaklah diberi tiang tanda di tempat yang mudah dilihat.

Bayaran tol.

3. (1) Pemandu sesebuah kenderaan bermotor yang bercadang hendak melalui pondok tol hendaklah —

(a) berhenti jika diberikan isyarat; dan

(b) membayar tol atau menunjukkan kupon tol yang sah, yang dapat digunakan bagi kenderaan tersebut.

(2) Tol tidak dibayar berkaitan dengan atau oleh —

(a) kenderaan bermotor yang dimiliki, atau digunakan oleh, Kerajaan semasa menjalankan urusan rasmi;

(b) kenderaan pemadam api, ambulans atau mana-mana kenderaan bermotor lain yang dipandu ke atau dari tempat kecemasan;

- (c) kenderaan bermotor yang dipandu oleh orang-orang yang dilindungi oleh Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (*Penggal 117*), atau Akta Keistimewaan Diplomatik (Perluasan) (*Penggal 85*), atau dikecualikan di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang yang serupa;
- (d) penduduk Kampong Sungai Teraban dan Kawasan Sungai Dua.
- (e) mana-mana orang atau kenderaan bermotor atau golongan orang atau kenderaan bermotor yang dikecualikan oleh Menteri dari peruntukan-peruntukan perenggan ini.

Kadar-kadar tol.

4. (1) Tol hendaklah dikenakan, pada kadar-kadar, dan berkaitan dengan kategori-kategori kenderaan bermotor, yang dinyatakan dalam Jadual 2.

(2) Kadar-kadar yang kena dibayar di bawah perenggan ini hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tiap-tiap pondok tol.

Kupon dan rekod.

5. (1) Suatu kupon, dalam borang yang diluluskan oleh Menteri Kewangan hendaklah dikeluarkan setelah tol dibayar.

(2) Rekod semua bayaran yang diterima dan kupon yang dikeluarkan hendaklah disimpan di tempat-tempat penjualan kupon tersebut.

Lantikan dan kewajipan-kewajipan pemungut tol.

6. Menteri hendaklah membenarkan secara bertulis lantikan pemungut-pemungut tol untuk memungut tol dan untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan lain yang mungkin ditetapkan oleh Menteri bagi maksud-maksud Perintah ini.

Kesalahan-kesalahan.

7. (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan yang —

- (a) memandu sesebuah kenderaan bermotor melalui pondok tol kecuali melalui jalan yang ditetapkan bagi kenderaan itu;
- (b) tidak berhenti, membayar tol atau menunjukkan kupon yang sah, di pondok tol;
- (c) menyatakan dengan palsu bahawa dia telah membayar, atau tidak bertanggung untuk membayar, tol bagi jalan atau jambatan yang tertentu; atau
- (d) menghalang pemungut tol dari menjalankan sebarang kewajipan di bawah Perintah ini.

(2) Pemungut tol yang mengeluarkan kupon palsu atau tiruan bagi pembayaran tol adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Hukuman maksimum bagi —

- (a) kesalahan pertama di bawah perenggan-perenggan kecil (1) atau (2) adalah seribu ringgit, penjara selama tiga bulan atau kedua-duanya sekali;
- (b) kesalahan kedua atau berikutnya adalah dua ribu ringgit, penjara selama enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Kuasa-kuasa polis.

8. Bahagian X dari Akta Lalulintas Jalan Raya hendaklah dikenakan dan berkuatkuasa berhubung dengan orang-orang yang disyaki telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini.

Pindaan Jadual.

9. Menteri boleh meminda Jadual 1 atau Jadual 2, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

JADUAL 1
(perenggan 2(1))

Jalan/jambatan	Lokasi pondok tol
Jambatan Rasau	Terletak di Km 1.5, jalan lencongan Kuala Belait

JADUAL 2
(perenggan 4(1))

Kategori kenderaan bermotor	Kadar-kadar tol bagi satu perjalanan
Motosikal	\$1.00
Kereta persendirian	\$3.00
Teksi	\$5.00
Kenderaan bermotor dengan berat kasar 3,000 kg dan 5,000 kg	\$10.00

JADUAL 2 (Sambungan)
(perenggan 4(1))

Kategori kenderaan bermotor	Kadar-kadar tol bagi satu perjalanan
Kenderaan bermotor dengan berat kasar antara 3,000 kg dan ke atas, dan bas dengan berat muatan 22 penumpang atau lebih	\$20.00
Lori minyak	\$20.00
Treler	\$20.00

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 1 haribulan Mei, 2000.

PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN
DATO SERI SETIA AWANG HAJI ZAKARIA BIN
DATU MAHAWANGSA AWANG HAJI SULAIMAN
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.